

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 18/04/2018

Majlis Penyampaian Surat Opsyen Pertukaran Pelantikan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan Kemajuan Masyarakat

BismillahirRahmanirRahim

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.*

*YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*

*YBhg. Tan Sri Arpah binti Abdul Razak
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia*

*YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri*

*YBhg. Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*

*Ketua Pengarah KEMAS, Ketua Pengarah PERPADUAN
Para pegawai KEMAS, PERPADUAN dan JPA
Dan seterusnya saudara-saudari yang diraikan pada hari ini sekalian.*

B. PENDAHULUAN

- 1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia serta izinNya jua dapat kita berkumpul di sini pada hari ini bagi urusan penyampaian surat opsyen pertukaran pelantikan saudara-saudari sekalian ke jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29.*
- 2. Saya difahamkan pada hari ini, seramai 840 orang Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 yang terdiri daripada Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Guru Tabika Perpaduan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) akan menerima surat opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada saudara-saudari kerana akan melangkah ke satu fasa tanggungjawab yang baharu selepas ini.*
- 3. Penyerahan surat opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 ini merupakan bukti pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan ke atas prestasi serta perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan oleh saudara-saudari di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di Negara ini.*
- 4. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada saudara-saudari di atas kejayaan menyahut hasrat Kerajaan pada 1 April 2016 yang menetapkan agar Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dijadikan kelayakan akademik minimum guru prasekolah di Malaysia menjelang tahun 2020. Saya yakin dan percaya, pegawai-pegawai yang berada di hadapan saya ini merupakan pegawai yang penuh berdedikasi, komited dan berpengetahuan tinggi serta peka terhadap dasar-dasar kerajaan dan sentiasa memikirkan idea-idea baru untuk memastikan pendidikan awal kanak-kanak di negara kita setaraf dengan Negara maju di mata dunia.*

C. **KEPENTINGAN KEMAS DAN PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
DI MALAYSIA**

Saudara dan saudari,

5. *Kanak-kanak ibarat kain putih yang perlu dicorakkan oleh ibu bapa supaya menjadi pelapis generasi Negara. Pendidikan awal kanak-kanak amat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka pada masa akan datang. Pendidikan awal kanak-kanak berkualiti berupaya meningkatkan keupayaan mereka dari segi emosi, sosial, fizikal dan pembangunan kognitif tanpa mengambil kira latar belakang keluarga dan taraf sosio-ekonomi. Namun, ramai yang tidak tahu cara untuk mencorakkan kanak-kanak mengikut acuan yang betul. Justeru, di sinilah sentuhan Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika Perpaduan dijadikan asas untuk pembinaan acuan anak-anak kita di masa hadapan.*
6. *Sentuhan **KEMAS dan PERPADUAN** bermula seawal pasca kemerdekaan lagi. KEMAS ditubuhkan lanjutan dari Bahagian Pelajaran Dewasa yang wujud sejak 1961 oleh YAB Tun Abdul Razak Bin Hussien untuk memberi fokus kepada program "Pembasmian Buta Huruf" di kalangan masyarakat luar bandar merangkumi kanak-kanak dan juga orang dewasa.*
7. *Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970, peranan warga KEMAS semakin diperlukan untuk mengubah sikap masyarakat luar bandar serta bagi memastikan mereka menerima arus perubahan dan pembangunan progresif di samping memberi latihan agar masyarakat luar bandar terlibat secara aktif dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi sendiri, keluarga dan masyarakat. Terlaksanalah program Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika), Kelas Ekonomi Rumahtangga (ERT), Kelas Latih Kerja (KLK), Rancangan Pedoman Tugas (RPT), Kelas Agama Islam (KAI), Khutub Khanah Desa (KKD) dan Rancangan Desa Usaha (RDU).*
8. *Pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat, PERPADUAN telah memperkenalkan Tabika Perpaduan di kawasan bandar dan pinggir Bandar khususnya di kawasan yang mempunyai Rukun Tetangga. Tabika Perpaduan menyediakan pendidikan awal kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun bagi membolehkan mereka*

menghayati nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat serta persediaan untuk memasuki alam persekolahan apabila mencapai usia 7 tahun.

9. *Sehingga kini, KEMAS mempunyai **11,119** kelas Tabika (4-6 tahun)/ **505** kelas Taska (2-4 tahun) di seluruh negara dengan bilangan kanak-kanak seramai **229,499** orang manakala PERPADUAN mempunyai **1,781** buah Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan bilangan kanak-kanak seramai **38,130** orang yang pengoperasiannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.*

10. *Melalui KEMAS dan PERPADUAN inilah, ibu bapa yang tidak mampu untuk menghantar anak mengikuti prasekolah swasta boleh menikmati kemudahan pendidikan prasekolah dengan kadar sumbangan bulanan yang rendah, seterusnya meringankan bebanan kos sara hidup keluarga.*

11. *Peratus pencapaian yang signifikan dari tahun ke tahun yang dicatatkan merupakan hasil usaha Kerajaan. Tidak dapat kita nafikan sebahagiannya disumbangkan oleh peranan dan usaha tanpa lelah KEMAS dan PERPADUAN. Data membuktikan terdapat peningkatan **4%** pencapaian enrolmen kanak-kanak prasekolah KEMAS daripada **220,755 orang pada tahun 2016** kepada **229,499 orang pada tahun 2018**. Manakala terdapat peningkatan **2%** pencapaian enrolmen kanak-kanak prasekolah PERPADUAN daripada **37,446 orang pada tahun 2016** kepada **38,130 orang pada tahun 2018**[\[1\]](#).*

12. *Tabika KEMAS juga telah diiktiraf oleh Readers Digest Asia sebagai one of trusted brands for preschool learning centre bagi tahun 2017 setanding dengan tadika swasta di Malaysia. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan ibu bapa apabila dapat melihat anak-anak sekecil usia di bawah 6 tahun di negara ini tanpa mengira latar belakang mendapat akses terhadap pendidikan berkualiti bertaraf dunia. Teruskanlah usaha kalian bagi membantu Kerajaan memastikan anak-anak kita mendapat pendidikan awal berkualiti mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu 100 peratus pada tahun 2020.*

D. TANDA PENGHARGAAN KERAJAAN TERHADAP USAHA KEMAS DAN PERPADUAN

Saudara dan saudari,

13. Kerajaan amat memahami akan penat lelah serta usaha tidak putus-putus KEMAS dan PERPADUAN dalam penyediaan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak berkualiti bertaraf dunia di Malaysia, terutamanya komitmen penuh daripada warga Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN. Bagi menghargai warga Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN, Kerajaan memperkenalkan pelbagai kemudahan dan penambahbaikan kerjaya melalui:

i. **Tranformasi Kerjaya Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN**

KEMAS

Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS pada awalnya sekadar dibayar **elaun sebanyak RM400** dengan lantikan secara **sementara** menerima **gaji dan imbuhan yang lebih baik** berbanding jawatan sementara yang terdahulu apabila pada tahun 1996 perjawatan ini disandarkan kepada skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 lantikan kontrak (Contract of Service).

PERPADUAN

Begitu juga **Guru Tabika PERPADUAN**, Kerajaan pada tahun 2010 bersetuju meluluskan kenaikan gred Guru-Guru Tabika dari gred N11 (berdasarkan kelulusan LCE/SRP/PMR secara **bertaraf kontrak**) ke gred S17 berdasarkan pengalaman mengajar (jika bukan kelulusan SPM) atau kelulusan SPM.

ii. **Program Peningkatan Profesionalisma Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN**

Bagi memperkasakan lagi perkhidmatan prasekolah dan profesion Guru-Guru Tabika, pada 1 April 2016 melalui mesyuarat Jemaah Menteri, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua pengambilan baharu Guru-Guru prasekolah wajib mempunyai kelayakan minimum iaitu Diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ini menunjukkan satu komitmen tinggi oleh Kerajaan supaya kerjaya Guru-Guru Tabika dihormati dan dikagumi serta memastikan berpeluang menikmati faedah-faedah perkhidmatan awam seperti profesion-profesion yang lain.

iii. **Lantikan Tetap bagi Kontrak 15 Tahun Kepada Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN**

Keprihatinan Kerajaan terhadap sumbangan dan khidmat bakti pegawai awam kepada negara khususnya **Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN** dizahirkan lagisemasa pembentangan bajet tahun 2016 pada 25 Oktober 2015. YAB. Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan pemberian taraf tetap kepada semua penjawat awam berstatus kontrak yang berkhidmat melebihi 15 tahun yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Kerajaan telah pun melaksanakan pengumuman ini sebagaimana dijanjikan dan saya difahamkankakitangan kontrak **KEMAS dan PERPADUAN** merupakan antara kumpulan terbesar yang menikmati faedah ini. Pengumuman ini telah memberi peluang kerjaya tetap kepada seramai **7,955** kakitangan kontrak KEMAS bagi pengambilan tahun 2016 dan 2017 dan **1,454** kakitangan kontrak PERPADUAN bagi pengambilan tahun 2016.

E. **OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S29**

Saudara dan saudari,

14. Saya telah menyatakan pelbagai penambahbaikan dan penghargaan yang telah diberi kepada warga KEMAS dan PERPADUAN dari tahun 1990an sehinggalah tahun 2016.

Bersempena dengan tahun 2018 iaitu Tahun Kejayaan dan Keberhasilan Yang Mengagumkan, Kerajaan telah bersetuju bahawa **Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS dan Guru Tabika PERPADUAN** yang telah tamat pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak **yang telah dilantik** tetap, akan ditawarkan **opsyen pertukaran pelantikan**.

15. Di bawah opsyen pertukaran pelantikan ini, seramai **1,380** pegawai daripada kedua-dua agensi iaitu seramai **979 Pemaju Masyarakat Tabika/ Taska KEMAS** dan **401 Guru Tabika PERPADUAN** yang telah tamat pengajian, sedang melanjutkan pengajian serta yang diunjurkan; dijangka akan menikmati faedah ini.

F. BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP TUGAS YANG DIAMANAHKAN

16. Semoga penawaran opsyen pelantikan ini memberi kelegaan kepada saudara saudari dan sebagai janji setia untuk terus mendidik anak-anak warisan bangsa. Kejayaan saudara dan saudari pada hari ini bererti saudara dan saudari telah berjaya menuju satu langkah ke hadapan dalam perkhidmatan. Kejayaan ini bukanlah hanya sekadar di atas sekeping kertas surat opsyen pelantikan, tetapi perlu untuk saya ingatkan saudara saudari sebagai Penjawat Awam untuk menggalas tugas-tugas dan tanggungjawab bagi menentukan masa depan rakyat dan Negara kita. Kesediaan saudara dan saudari untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini adalah sangat penting.

17. Saya berharap saudara dan saudari yang berada di hadapan saya ini sentiasa bersedia untuk meningkatkan pengetahuan, kecekapan, kesungguhan dalam melaksanakan tugas dan sentiasa menjadi pegawai contoh yang disenangi, dikagumi dan dihormati. Selain itu, tingkahlaku dan etika sebagai penjawat awam apabila berada di tahap yang semakin tinggi juga adalah sangat penting kerana semakin tinggi tahap kita berada, semakin banyak faktor-faktor yang mempengaruhi kita. Umpama ular yang menyusur akar, tidak akan hilang bisanya.

Saudara dan saudari,

18. Kita sebagai penjawat awam seharusnya merasa bertuah berbanding yang bekerja di sektor swasta di mana mereka lebih mudah terdedah dengan risiko seperti kehilangan kerja sedangkan Penjawat Awam saban tahun dikhabarkan dengan berita-berita gembira oleh YAB Perdana Menteri kita dalam pembentangan bajet setiap tahun. Sepanjang pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kini, Kerajaan kita tidak pernah gagal memberikan bantuan dan bayaran insentif untuk membantu mengurangkan bebanan Penjawat Awam. Tidakkah kita berasa bertuah dan bersyukur menjadi Penjawat Awam di negara ini. Jangan ada pula di antara kita yang mengkritik Kerajaan dengan unsur-unsur negatif sepertimana yang dilakukan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab seolah-olah Kerajaan tidak prihatin dan mengabaikan kebajikan Penjawat Awam.

19. Saya juga berharap agar saudara dan saudari yang berada di hadapan saya ini bertekad untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan memberikan sumbangan tenaga kerja secara optimum sepanjang perkhidmatan. Janganlah saudara dan saudari persiapkan apa yang dikecapi pada hari ini dan membuat kerja sambil lewa dengan tiada kesungguhan kerana ia tidak akan memberikan output yang maksima sekaligus menghilangkan kepercayaan rakyat kepada Negara. Semakin tinggi tahap kita berada, semakin tinggi pengalaman dan pengetahuan yang kita kecapai. Janganlah kita lokek untuk berkongsi ilmu dan pengalaman serta jangan pula kita malu untuk belajar dan mengajar sesama kita sekiranya kita belum mahir dalam sesuatu perkara tidak kira walau di mana kita ditempatkan.

G. **BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENJAGA IMEJ PERKHIDMATAN AWAM DAN CELIK MEDIA SOSIAL**

Saudara dan saudari,

20. Dalam zaman kemodenan yang penuh dengan teknologi serba canggih masa kini, saya percaya kebanyakan di antara kita mempunyai akaun secara aktif dalam penggunaan aplikasi seperti Twitter, Facebook, Instagram dan Whatsapp. Saya percaya setiap Jabatan telah mewujudkan akaun seperti Twitter dan Facebook masing-masing sebagai satu saluran untuk update aktiviti dan perkembangan sesebuah Jabatan masing-masing serta mendapatkan pandangan dan perhatian. Saya tidak menafikan penggunaan aplikasi-aplikasi tersebut dapat membantu dalam penyebaran maklumat yang lebih cepat dan maklumbalas yang lebih pantas. Namun begitu, dalam kita aktif menggunakan media sosial ada pihak yang tidak celik media sosial sehingga menyalahguna saluran tersebut untuk mengkritik pemimpin dan Kerajaan dan menyentuh sensitiviti keselamatan negara.

21. Kita semua seharusnya lebih celik dalam penggunaan media sosial supaya tidak mudah terpengaruh dengan penyebaran maklumat yang tidak sahih dan salah menginterpretasikan maklumat yang diterima melalui media sosial sehingga tidak mampu membezakan yang mana sahih dan yang mana fitnah semata-mata untuk menjatuhkan Kerajaan dengan melemparkan tohmahan dan berita palsu serta khabar angin. Saya sungguh kecewa apabila terdapat segelintir penjawat awam yang terdiri daripada pegawai-pegawai muda baru-baru ini dalam beberapa kes yang telah diambil tindakan tegas terhadapnya dengan penuh keberanian untuk melemparkan tuduhan dan mengkritik Kerajaan. Bagi pendapat saya, golongan tidak cerdas ini jika dibiarkan boleh menjadi pengkhianat bangsa dan negara akibat terlalu mudah percaya pada 'fake news' dan kurang pengetahuan dalam 'social media literacy' dan langsung tidak bertanggungjawab dalam menjaga reputasi sebagai Penjawat Awam.

H. **PENUTUP**

22. Akhir kata dari saya, berjanjilah untuk menjadi Penjawat Awam yang setia kepada Raja dan Negara, Amanah kepada tugas dan tanggungjawab yang digalas dan sentiasa menjadi tonggak kepada kemajuan politik, ekonomi dan sosial negara seperti yang kita janjikan semasa mengangkat sumpah dalam "Aku Janji" maka kotakanlah janji-janji

kita. Teruskanlah tradisi seorang penjawat awam yang telah diamanahkan dan berjanji untuk sentiasa berusaha mempertahankan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan Pemimpinnya.

23. Saya mengucapkan selamat bertugas dengan amanah yang telah diberikan ini dengan hati terbuka dan semangat yang baharu. Ikhlasakan hati berkhidmat untuk Negara.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19242/Majlis-Penyampaian-Surat-Opsyen-Pertukaran-Pelantikan-Penolong-Pegawai-Pembangunan-Masyarakat-Jabatan-Perpaduan-Negara-dan-Integrasi-Nasional-dan-Jabatan-Kemajuan-Masyarakat>